


Tiga Dasawarsa

MENJULANG ILMU KE LANGIT
MENGAKAR BUDI KE BUMI
MENYULAM MUTU INSANI

FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Tiga Dasawarsa

MENJULANG ILMU KE LANGIT
MENGAJAR BUDI KE BUMI
MENYULAM MUTU INSANI



FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT
FACULTY OF INFORMATION SCIENCE AND TECHNOLOGY
Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor
Malaysia
2024

TERBITAN PERTAMA 2024

FIRST PUBLISHED 2024

© Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) UKM
Faculty of Information Science and Technology UKM

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada FTSM UKM terlebih dahulu.

All rights reserved; no part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise without prior written permission from FTSM UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh | *Published in Malaysia by :*

FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT

Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan.
Tel. : +6 03-8921 6141 / 6172
Faks | Fax : +6 03-8925 6732
www.ftsm.ukm.my



Kandungan

Contents

Prakata <i>Preface</i>	6	Cendekiawan Tersohor FTSM <i>FTSM Notable Scholars</i>	38
Mesej Naib Canselor <i>Message from Vice-Chancellor</i>	7	Kecemerlangan FTSM <i>FTSM Excellence</i>	41
Kata Pengantar Dekan <i>Dean's Foreword</i>	8	Sorotan Aktiviti Sepanjang 30 Tahun <i>Highlights of Activities throughout 30 Years</i>	48
Kata Aluan Pengerusi Program Sambutan Jubli Mutiara FTSM <i>FTSM Pearl Jubilee Celebration Chairperson's Remarks</i>	9	Alumni Tersohor FTSM <i>FTSM Prominent Alumni</i>	54
Pengenalan FTSM <i>Introduction of FTSM</i>	10	Rakan Kolaborasi FTSM <i>FTSM Collaborators</i>	60
Pusat Kajian FTSM <i>FTSM Research Centres</i>	17	Penghargaan dan Dalam Ingatan <i>Appreciation and In Remembrance</i>	62
Dekan Fakulti <i>Deans of FTSM</i>	31	Sidang Redaksi <i>Editorial Board</i>	70

Prakata

Preface

Buku *Tiga Dasawarsa: Menjulangi Ilmu ke Langit, Mengakar Budi ke Bumi, Menyulam Mutu Insani* adalah penanda aras bagi perjuangan memartabatkan ilmu pengkomputeran sepanjang tiga dekad (1994-2024) di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dengan misi dan visi yang jelas, FTSM telah melalui pelbagai transformasi ke arah melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga memiliki kualiti dan nilai kemanusiaan yang tinggi seiring dengan perkembangan teknologi. Barisan dekan dan profesor yang menjadi pendokong transformasi ini diketengahkan dalam buku ini.

Buku ini mengimbas kembali perjalanan penyelidik FTSM dalam usaha memartabatkan ilmu pengkomputeran sambil menghasilkan modal insan yang cemerlang. Sorotan kejayaan pelajar dan kakitangan akademik, bersama imbasan aktiviti sepanjang tiga dekad yang mengimbangi pembelajaran dan sosial, dipaparkan dengan teratur. Semoga buku ini dapat menjadi sumber inspirasi dalam perjuangan ilmu pengkomputeran sepanjang tiga dasawarsa melalui perkongsian pengalaman dan mutiara kata. Ayuh, atur langkah untuk terus menjulang ilmu ke langit, mengakar budi ke bumi, dan menyulam mutu insani.

The book Tiga Dasawarsa: Menjulangi Ilmu ke Langit, Mengakar Budi ke Bumi, Menyulam Mutu Insani is more than just a chronicle, it's a celebration of 30 years (1994-2024) of relentless pursuit and innovation at the Faculty of Information Science and Technology (FTSM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Over the years, FTSM has embraced the future with cutting-edge transformations and nurtured graduates who shine with academic brilliance and profound human values. This book brings to life the stories of the visionary deans and professors who spearheaded these transformative journeys.

Delve into pages as we trace the path of FTSM researchers who have tirelessly worked to advance the field of computer science while nurturing outstanding talents. The book beautifully captures the triumphs of the faculty and students, painting a vivid picture of three decades filled with dynamic activities that seamlessly blend learning with life. Let this book inspire you, as it encapsulates the essence of a 30-year legacy, one that reaches for the stars with knowledge, roots itself in the earth with values to interweave a fabric of human excellence.

Dr. Nazatul Aini Abd Majid

Ketua Editor
Editor-in-Chief

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) atas Sambutan Jubli Mutiara dan pengendalian pelbagai program bersempena sambutan 30 tahun FTSM. Sepanjang 30 tahun penubuhannya, FTSM telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan dalam kemampuannya melahirkan graduan komputeran yang bertaraf antarabangsa. Graduan FTSM telah banyak mengisi jawatan penting dalam sektor komputeran di seluruh negara dan juga di peringkat antarabangsa. FTSM juga telah menunjukkan perkembangan yang progresif dalam penyelidikan dan perundingan berkaitan komputeran seperti data sains, kecerdasan buatan, keselamatan siber dan juga teknologi perisian. Ini amat bertepatan dengan hasrat UKM untuk menjadi pusat ilmu dan penyelidikan yang terkehadapan mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat yang dinamis, berilmu, holistik dan berakhlak mulia. Program akademik yang ditawarkan di FTSM sentiasa dikemaskini dan dirangka dengan begitu teliti melibatkan pelbagai pemegang taruh termasuk pakar akademik dari dalam dan luar negara, wakil industri dan badan kerajaan serta alumni. Ini adalah langkah proaktif dalam memastikan program yang dilaksanakan menyediakan struktur pengajian yang terbaik dan terkini tanpa mengabaikan penerapan nilai spiritual, moral dan etika yang tinggi. Dengan kepakaran tenaga pengajar di fakulti serta kemudahan dan peralatan teknologi terkini yang disediakan, saya yakin fakulti ini mampu merealisasikan misi dan visinya dalam menghasilkan graduan komputeran yang berdaya saing demi memenuhi kehendak pasaran industri semasa. Semoga peningkatan usia fakulti ini akan mematangkan lagi warga fakulti serta turut menjadi kekuatan kepada universiti ke arah memberi sumbangan dalam meningkatkan kemajuan bidang ICT di negara kita. Terima kasih.

Assalamualaikum and Greetings

Congratulations and well done to Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) on the celebration of its Pearl Jubilee and the organisation of various programmes in conjunction with FTSM's 30th anniversary. Throughout its 30 years of establishment, FTSM has shown commendable progress in its ability to produce internationally recognised computing graduates. FTSM graduates have filled many vital positions in the computing sector across the country and internationally. FTSM has also demonstrated progressive growth in research and consulting related to computing fields such as data science, artificial intelligence, cyber security, and software technology. This aligns perfectly with UKM's aspiration to be a leading centre of knowledge and research, ahead of societal trends and its era, in shaping a dynamic, knowledgeable, holistic, and morally upright society. The academic programmes offered by FTSM are continuously updated and meticulously designed, involving various stakeholders, including academic experts from local and international institutions, industry representatives, government bodies, and alumni. This is a proactive step to ensure that the delivered programmes offer the best and most current academic structure while incorporating high spiritual, moral, and ethical values. With the expertise of the faculty's teaching staff and the state-of-the-art facilities and technological equipment, the faculty can realise its mission and vision of producing competitive computing graduates to meet the current demands of the industry. May the faculty's growing age further mature its community and strengthen the university's contribution towards advancing the ICT field in our country. Thank you.

PROFESOR DATO' GS. TS. DR. MOHD EKHWAN HJ. TORIMAN



Mesej Naib Canselor Vice-Chancellor's Message



Kata Pengantar Dekan

Dean's Foreword

Pada 1 Oktober 2024, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) telah mencapai usia 30 tahun. Kini FTSM berdiri megah dengan kampus kecilnya yang mempunyai segala kemudahan lengkap dan terkini yang menawarkan pelbagai program akademik dari peringkat sarjana muda hinggalah ijazah kedoktoran. Usia 30 tahun ini telah menambah kematangan FTSM dalam menghadapi pelbagai cabaran untuk menyokong UKM sebagai universiti penyelidikan. Kita percaya FTSM menjadi antara pilihan utama sebagai pusat penyelidikan siswazah dari pelbagai organisasi kerajaan, swasta dan institusi akademik lain, dalam atau luar negara. Ini didorong oleh kewibawaan para profesor dan ahli akademik FTSM, di samping keupayaan FTSM mendapatkan dana penyelidikan yang pelbagai sama ada dari pihak kerajaan mahupun industri. Bagi merealisasikan keunggulan dan seterusnya menghadapi tahun yang mendatang, halatuju strategik FTSM telah dirangka supaya FTSM boleh terus berkembang dengan mampan dan holistik. Di antara usaha ini adalah; 1) Memperkasa program akademik ke persada antarabangsa, bermula di Qatar, Indonesia dan China; 2) Memperkasa keterlihatan fakulti, menerusi penjenamaan laman web fakulti, lonjakan ranking QS (top 100 2024) untuk Kecerdasan Buatan dan Data Sains; 3) Penganugerahan *Premier Digital Tech Institution* oleh MDEC; 4) Peningkatan penerbitan Q1Q2 kepada 182 jurnal; 5) Kebolehpasaran graduan prasiswazah mencapai 94.5%; 6) Jumlah penajaan pada tahun 2023 mencecah RM12 juta, yang memudahkan naiktaraf prasarana. Akhir kata, saya berharap semoga usaha memperkasakan FTSM akan terus menjadi usaha bersama warga FTSM, warga UKM dan semua pihak yang ingin melihat kecemerlangan graduan FTSM demi kemajuan negara. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan UKM kerana sokongan kuat mereka terhadap FTSM selama ini. Ucapan penghargaan yang paling istimewa saya tujukan kepada semua warga FTSM yang bekerja keras untuk terus memastikan kecemerlangan FTSM sehingga tiga dasarwarsa. Terima kasih.

As we approach 1 October 2024, we celebrate a remarkable milestone, FTSM's 30th anniversary! Our faculty has blossomed into a proud institution, nestled in its vibrant campus with cutting-edge facilities. Over the years, FTSM has become a beacon of academic excellence, offering diverse programmes from undergraduate to doctoral level. Our 30-year journey has brought wisdom and experience and sharpened our ability to face the challenges of today's fast-evolving world, especially in supporting UKM as a research university. Our reputation is cemented by the brilliance of our esteemed professors and academicians and the faculty's knack for attracting significant research funding from both government and industry. Looking ahead, we've mapped out a strategic path to ensure that FTSM continues to grow holistically and sustainably. Among the highlights are; 1) Expanding our academic programmes internationally, starting with Qatar, Indonesia, and China; 2) Elevating visibility with a dynamic website rebranding and boldly aiming to place AI and Data Science among the QS Top 100 for 2024; 3) Securing the prestigious Premier Digital Tech Institution award from MDEC; 4) Boosting our Q1Q2 publications to an impressive 182 journals; 5) Reaching a fantastic undergraduate employability rate of 94.5%; 6) Generating RM12 million in 2023 alone, allowing us to upgrade and enhance our faculty's infrastructure. As we look back on three decades of excellence, I warmly invite every member of the FTSM community, as well as our partners and friends from UKM and beyond, to join hands in ensuring that our legacy of success continues to shine brightly. My most profound appreciation goes to UKM management for their steadfast support and to all FTSM staff who have worked passionately to uphold the excellence of this extraordinary faculty over the years. Thank you.

PROFESOR MADYA TS. DR. NURHIZAM SAFIE MOHD SATAR

Bismillahirrahmanirrahim. Syukur ke hadrat Allah kerana dengan keizinan-Nya dapat kita bersama-sama meraikan ulang tahun yang ke-30 tahun FTSM pada tahun ini. Sebagai salah seorang warga FTSM, saya rasa amat berbangga di atas kejayaan yang telah dicapai oleh FTSM sepanjang tiga dekad usianya. Saya mewakili semua ahli jawatankuasa sambutan mengucapkan Selamat Ulang Tahun yang ke-30 FTSM, atau Jubli Mutiara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang sudi hadir ke program yang telah direncana sempena sambutan Jubli Mutiara ini. Penghargaan yang tidak terhingga kepada SSDU, MDEC, syarikat yang telah memberi sumbangan dalam apa bentuk sekalipun bagi menjaya dan memeriahkan sambutan kali ini. Sambutan Jubli Mutiara FTSM berhasrat untuk mengimbuai sejarah dan nostalgia FTSM menerajui bidang komputeran di peringkat UKM, kebangsaan mahupun antarabangsa sepanjang tiga dasawarsa lepas sebagai persediaan untuk menempuh dan merancang kecemerlangan dekad akan datang. Beberapa program telah dirancang bagi memeriahkan sambutan Jubli Mutiara FTSM sepanjang tahun ini, antaranya ialah Bicara Alumni Tersohor, Hari Terbuka FTSM, Forum Pengkisahan FTSM, Majlis Perasmian Anjung Digital, Cyber Run 2.0 dan pelbagai program seumpama yang akan berterusan sehingga ke hujung tahun 2024. Program ini disediakan sebagai komitmen dan usaha kami dalam memberi yang terbaik kepada pelajar, warga UKM dan masyarakat berkaitan bidang komputeran. Sambutan ini juga bertujuan untuk mendekatkan masyarakat luar dengan FTSM melalui perkongsian ilmu, hasil penyelidikan dan rundingan yang telah dijalankan oleh warga FTSM. Akhir sekali sekalung penghargaan tidak terhingga saya tujukan kepada semua ahli jawatankuasa dan juga warga FTSM yang telah bertungkus lumus untuk memastikan sambutan ini berjaya dilaksanakan. Mudah-mudahan segala jasa baik semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sambutan ini akan beroleh keberkatan daripada Allah. Terima kasih.

Bismillahirrahmanirrahim. I am eternally grateful to Allah because with His permission, we can together celebrate the 30th anniversary of FTSM this year. As one of the members of FTSM, I feel very proud of the success that FTSM has achieved throughout its three decades of existence. On behalf of the celebration committee, I wish FTSM a very Happy 30th Anniversary, or Pearl Jubilee. I would also like to thank everyone who is willing to attend the programmes planned for this Pearl Jubilee celebration. My infinite appreciation goes to SSDU, MDEC, and the companies that have contributed in any form to make this celebration a success and liven it up. FTSM's Pearl Jubilee celebration aims to reflect on the history and nostalgic moments of FTSM's leadership in the field of computing at UKM, as well as at the national and international levels, over the past three decades. This celebration also sets the stage for continued excellence in the decade ahead. A number of programmes have been planned to enliven the FTSM Pearl Jubilee throughout the year, including the Prominent Alumni Talks, FTSM Open Day, FTSM Storytelling Forum, Digital Forum Opening Ceremony, Cyber Run 2.0 and various similar programmes that will continue until the end of 2024. This programme reflects our commitment and effort to provide the best to UKM staff, students and the wider community in the field of computing. This celebration also aims to strengthen FTSM's connection with the community through the sharing of knowledge, research outcomes, and collaborations conducted by FTSM members. Finally, I would like to extend my gratitude to all committee members and FTSM members who have worked hard to the success of this celebration. May all the good deeds of those involved in making this event a success be blessed by Allah. Thank you.

PROFESOR MADYA DR. NUR FAZIDAH ELIAS



**Aluan
Pengerusi
Sambutan Jubli
Mutiara FTSM**

***FTSM Pearl
Jubilee Celebration
Chairperson's
Remarks***

The background features a stylized, light gray line drawing of a modern building with multiple levels, windows, and a central entrance. A large, blue, textured shape resembling a cloud or a stylized tree is positioned on the left side, partially obscuring the building. The sky is a light blue gradient.

Pengenalan FTSM

Introduction of FTSM

FTSM • Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat

Faculty of Information Science and Technology

Tahun 1990-an menandakan permulaan ekonomi berasaskan pengetahuan yang didorong oleh pembangunan pesat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Menyedari peranan penting ICT dalam peralihan dari era industri ke era maklumat, Malaysia melancarkan inisiatif Multimedia Super Corridor (MSC). Pada 24 November 2000, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) dengan bangganya dianugerahkan status MSC, menandakan detik penting dalam sejarah gemilangnya. Dari permulaan yang sederhana pada 1 Oktober 1994, FTSM telah berkembang menjadi kekuatan utama dalam membentuk landskap digital Malaysia. Dengan tumpuan strategik pada pendidikan ICT, FTSM telah menubuhkan empat jabatan perintis iaitu Sains Komputer, Sains dan Pengurusan Sistem, Komputeran Industri, dan Sains Maklumat, setiap satu didedikasikan untuk membentuk masa depan teknologi. Pengenalan program akademik yang dinamik di peringkat sarjana muda, sarjana, dan doktor falsafah (PhD) mencerminkan komitmen FTSM dalam memupuk pengalaman pendidikan yang progresif.

Pada 15 Mei 2001, pemindahan FTSM ke bangunan ikonik baharunya di Kampus Lingkungan Kedua UKM menandakan bab baharu dalam perjalanannya. Kampus berteknologi tinggi ini, yang menampilkan lapan blok bangunan, dua dewan kuliah, dan satu pusat pascasiswazah, adalah satu tanda kemajuan FTSM dalam meningkatkan kualiti pendidikan ICT. Selaras dengan seruan negara untuk kecemerlangan penyelidikan, FTSM telah menubuhkan tiga pusat penyelidikan khusus iaitu Pusat Kajian Teknologi Kecerdasan Buatan, Pusat Kajian Teknologi dan Pengurusan Perisian, dan Pusat Kajian Keselamatan Siber, setiap satu merupakan mercu tanda inovasi di barisan hadapan kemajuan teknologi. Diiktiraf sebagai Institusi Teknologi Digital Perdana oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) pada tahun 2023, FTSM terus memainkan peranan utama dalam bidang teknologi digital. Pelajar FTSM turut mengharumkan nama Malaysia dengan menyertai pertandingan berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, termasuk Kejohanan *FIRA RoboWorld Cup*, mempamerkan bakat mereka yang luar biasa di pentas global.

The 1990s heralded the dawn of a knowledge-based economy driven by the meteoric rise of Information and Communication Technology (ICT). Recognising the pivotal role of ICT in transitioning from the industrial era to the information age, Malaysia launched the visionary Multimedia Super Corridor (MSC) initiative. On 24 November 2000, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) was proudly awarded MSC status, marking a defining moment in its illustrious history. From its modest beginnings on 1 October 1994, FTSM has become a formidable force in shaping Malaysia's digital landscape. With a strategic focus on ICT education, FTSM established four pioneering departments; Computer Science, System Science and Management, Industrial Computing, and Information Science, each dedicated to sculpting the future of technology. The introduction of dynamic academic programs at undergraduate, master's, and doctoral (PhD) levels reflects its commitment to fostering a progressive educational experience.

On 15 May 2001, FTSM's relocation to its iconic new building on UKM's Second Cluster Campus marked a new chapter in its journey. This state-of-the-art campus, featuring eight building blocks, two lecture halls, and a dedicated postgraduate centre, is a testament to FTSM's growth and ambition. In alignment with the nation's call for research excellence, FTSM has founded three specialised research centres; the Center for Artificial Intelligence Technology, the Center for Software Technology and Management, and the Center for Cyber Security, each a beacon of innovation at the forefront of technological advancement. Recognised as a Premier Digital Technology Institution by the Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) in 2023, FTSM continues to lead in the digital realm. Its students are making waves by engaging in prestigious national and international competitions, including the esteemed FIRA RoboWorld Cup Tournament, showcasing their exceptional talent on the global stage.

Visi *Vision*

Menjadi Fakulti terpilih untuk menghasilkan tenaga mahir yang terpelajar bagi mengisi keperluan negara dalam bidang teknologi maklumat.

Be a selected faculty to produce educated talent to fill the needs of the country in the field of information technology.

Misi *Mission*

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat bertekad menjadi pusat pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan rujukan dalam bidang teknologi dan sains maklumat yang cemerlang berlandaskan falsafah, visi dan misi UKM.

The Faculty of Information Science and Technology pledges to be a centre of excellence in learning, teaching, research, consultancy and as a reference in the field of information science and technology based on the philosophy, vision and mission of UKM.

Matlamat *Objectives*


Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat mengendalikan pelbagai program pengajian dengan matlamat berikut:

The Faculty of Information Science and Technology offers various study programmes with the following objectives:

- » Melahirkan siswazah dalam bidang teknologi dan sains maklumat yang berwibawa.
To produce competent graduates in the field of information science and technology.
- » Menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi dan sains maklumat.
To be a centre for research and development in the field of information science and technology.
- » Memberi perkhidmatan perundingan dan rujukan dalam bidang teknologi dan sains maklumat.
To provide consultancy and reference services in the field of information science and technology.
- » Menyebar pengetahuan teknologi dan sains maklumat kepada masyarakat umum.
To disseminate knowledge of information science and technology to society.
- » Menggalakkan interaksi dan jalinan ilmu di antara ahli sains dan teknologi.
To promote interaction and cohesion of knowledge between members in information science and technology.

Organisasi Fakulti

Faculty Organisation




Sejarah Penubuhan

Establishment History

FTSM telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Oktober 1994. Ia bermula dengan Unit Statistik dan Sains Komputer pada 1977, berkembang kepada Jabatan Sains Komputer pada 1982 di bawah Pusat Pengajian Kuantitatif (PPK) sebelum dinaiktaraf menjadi Fakulti Sains Matematik dan Komputer pada 1991. Perkembangan hebat dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mendorong penubuhan FTSM pada 1994. Ia bermula dengan empat jabatan (Jabatan Sains Komputer, Jabatan Sains dan Pengurusan Sistem, Jabatan Komputeran Industri dan Jabatan Sains Maklumat) dengan seramai 34 kakitangan akademik yang terdiri daripada seorang profesor, enam profesor madya, 21 pensyarah dan enam tutor yang telah menyumbang ke arah pembangunan program akademik di FTSM. Pada tahun 2000, FTSM telah memperoleh status Koridor Raya Multimedia (MSC).

On 1 October 1994, FTSM was officially born, marking a key milestone in UKM's journey toward technological excellence. But its roots go back even further, to 1977 when the Statistics and Computer Science Unit was first established. By 1982, this unit had grown into the Department of Computer Science under the Centre for Quantitative Studies (PPK). By 1991, it had evolved into the Faculty of Mathematical Sciences and Computer. The rapid surge of Information and Communication Technology (ICT) throughout the 1990s fueled FTSM's establishment in 1994, with four dynamic departments: Computer Science, Science and Systems Management, Industrial Computing, and Information Science. FTSM began its journey with a dedicated team of 34 academic staff members; one professor, six associate professors, 21 lecturers, and six tutors, each playing a vital role in shaping its educational programmes and research excellence. By 2000, FTSM's remarkable growth and contributions were recognised when it achieved the prestigious Multimedia Super Corridor (MSC) status, solidifying its place at the forefront of Malaysia's digital revolution.





Sepanjang tiga dasawarsa melalui cabaran dunia akademik, FTSM telah melalui pelbagai transformasi dari aspek pengurusan, pentadbiran dan pencapaian sama ada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Dengan kekuatan seramai 91 ahli akademik termasuk sembilan profesor dan 25 profesor madya serta tiga pusat penyelidikan yang berdaya saing (Pusat Kajian Teknologi Kecerdasan Buatan telah ditubuhkan pada 2007, diikuti dengan Pusat Kajian Teknologi dan Pengurusan Perisian pada 2010 dan Pusat Kajian Keselamatan Siber pada 2017), FTSM telah mencapai pelbagai kejayaan dan pengiktirafan. Pada 2023, FTSM telah diiktiraf sebagai Institusi Teknologi Digital Perdana (PDTI) oleh MDEC pada 2023.

Over the past three decades, FTSM has evolved through remarkable transformations, overcoming academic challenges and reaching new heights nationally and internationally. With a formidable team of 91 academic staff members; including nine distinguished professors and 25 associate professors; FTSM thrives at the cutting edge of technological advancement. Three innovative research centres have been the driving force behind its success: the Center for Artificial Intelligence Technology, founded in 2007; the Center for Software Technology and Management, established in 2010; and the Center for Cyber Security, launched in 2017. These centres embody the faculty's commitment to pioneering research and technological innovation. In 2023, FTSM earned a prestigious milestone, being recognised as a Premier Digital Technology Institution (PDTI) by MDEC.

2007

**PUSAT KAJIAN TEKNOLOGI
KECERDASAN BUATAN
(CAIT)
Center for Artificial
Intelligence and Technology
(CAIT)**

Pusat kajian CAIT telah
ditubuhkan pada 10 April 2007.

*CAIT research centre was
established on 10 April 2007.*

2010

**PUSAT KAJIAN TEKNOLOGI
DAN PENGURUSAN
PERISIAN (SOFTAM)
Center for Software
Technology and
Management (SOFTAM)**

Pusat kajian SOFTAM telah
ditubuhkan pada 22 Disember
2010.

*SOFTAM research centre was
established on 22 December
2010.*

2017

**PUSAT KAJIAN
KESELAMATAN SIBER
(CYBER)
Center for Cyber Security
(CYBER)**

Pusat kajian CYBER telah
ditubuhkan pada 25 Januari
2017.

*CYBER research centre was
established on 25 January 2017.*

2023

**INSTITUSI TEKNOLOGI
DIGITAL PERDANA (PDTI)
Premier Digital Technology
Institution (PDTI)**

Fakulti telah diiktiraf sebagai
PDTI oleh Perbadanan Ekonomi
Digital Malaysia (MDEC).

*The faculty has been recognised
as a PDTI by the Malaysia
Digital Economic Corporation
(MDEC).*

**PUSAT PENGAJIAN SAINS
KOMPUTER (PPSK) & PUSAT
PENGAJIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT (PPTM)
School of Computer Science
& School of Information
Technology**

Pusat Pengajian Sains Komputer dan
Pusat Pengajian Teknologi Maklumat
ditubuhkan dengan penjumudan
empat jabatan asal FTSM.

*School of Computer Science and
School of Information Technology were
established through the consolidation
of the four original departments of
FTSM.*

Senarai Program FTSM

List of FTSM Programmes

PROGRAM SARJANA MUDA BACHELOR PROGRAMMES

- **Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Kepujian**
Bachelor in Computer Science with Honours
- **Sarjana Muda Teknologi Maklumat Dengan Kepujian**
Bachelor in Information Technology with Honours
- **Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian Dengan Kepujian**
Bachelor in Software Engineering with Honours

PROGRAM SARJANA MASTER PROGRAMMES

- **Sarjana Komputeran**
Master in Computing
- **Sarjana Kejuruteraan Perisian**
Master in Software Engineering
- **Sarjana Kecerdasan Buatan**
Master in Artificial Intelligence
- **Sarjana Sains Komputer**
Master in Computer Science
- **Sarjana Teknologi Maklumat**
Master in Information Technology
- **Sarjana Teknologi Media Kreatif**
Master in Creative Media Technology
- **Sarjana Sains Maklumat**
Master in Information Science
- **Sarjana Sistem Maklumat**
Master in Information System
- **Sarjana Keselamatan Siber**
Master in Cyber Security
- **Sarjana Informatik Kesihatan**
Master in Health Informatic
- **Sarjana Sains Data**
Master in Data Science

PROGRAM DOKTOR FALSAFAH DOCTOR OF PHILOSOPHY PROGRAMME

PUSAT KAJIAN FTSM

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia



Pusat Kajian FTSM

FTSM Research Centres



Berasaskan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan sejak awal penubuhannya, UKM dipilih sebagai salah sebuah universiti penyelidikan di Malaysia pada 2006. Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM) mengambil langkah proaktif menubuhkan pusat penyelidikan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkukuh peranan fakulti dalam bidang penyelidikan komputeran dan seterusnya mengangkat penyelidikan fakulti sebagai tumpuan bagi Universiti Penyelidikan. Pada tahun 2007, Pusat Kajian Teknologi Kecerdasan Buatan (CAIT) telah ditubuhkan bagi mendokong pembangunan penyelidikan di dalam bidang kecerdasan buatan. Seterusnya Pusat Kajian Teknologi dan Pengurusan Perisian (SOFTAM) ditubuhkan pada 2010 bagi pembangunan penyelidikan yang inovatif di dalam bidang pembangunan dan pengurusan perisian. Bagi mengukuhkan lagi pembangunan dan perkembangan penyelidikan di dalam bidang Keselamatan komputer dan rangkaian, Pusat Kajian Keselamatan Siber (CYBER) telah ditubuhkan pada 2017. Semua pusat ini ditubuhkan untuk memenuhi keperluan yang semakin meningkat dalam penyelidikan yang fokus dan berimpak tinggi, seiring dengan aspirasi universiti untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan terkemuka. Ketiga-tiga pusat ini dibentuk berdasarkan keperluan untuk memfokuskan penyelidikan ke arah bidang-bidang strategik, dengan harapan dapat membangunkan penyelesaian inovatif yang dapat memperkukuhkan kedudukan FTSM sebagai peneraju dalam bidang komputeran.

Riding on its strong foundation of research excellence, UKM was recognised as one of Malaysia's premier research universities in 2006. In a bold move to cement its place at the forefront of computing research, FTSM swiftly established a series of specialised research centres, elevating its status within the Research University framework. The journey began in 2007 with the launch of the Center for Artificial Intelligence Technology (CAIT), pioneering advancements in AI and related fields. Building on this momentum, Center for Software Technology and Management (SOFTAM) was founded in 2010, dedicated to pushing the boundaries of innovation in software development and management. In 2017, the faculty took a decisive step to bolster its expertise in cyber security with the creation of Center for Cyber Security (CYBER). These research hubs were meticulously designed to meet the rising demand for high-impact, targeted research, aligning with the university's vision to become a leading global research institution. Each centre focuses on strategic areas, driving forward innovative solutions that have firmly established FTSM as a trailblazer in the computing world.





Pusat Kajian Teknologi Kecerdasan Buatan ***Center for Artificial Intelligence and Technology (CAIT)***

Pusat Kajian Teknologi Kecerdasan Buatan (CAIT) ditubuhkan pada tahun 2007 sebagai sebahagian daripada usaha FTSM untuk menerajui penyelidikan dalam bidang kecerdasan buatan. Selaras dengan peranan UKM sebagai Universiti Penyelidikan, CAIT ditubuhkan pada awalnya hasil dari gabungan tiga kumpulan penyelidikan di FTSM iaitu Perlombongan dan Pengoptimuman Data, Pengecaman Pola, dan Teknologi Pengetahuan. Ketiga-tiga kumpulan menjadi nadi penggerak awal dalam penyelidikan di CAIT. Pada tahun 2011, CAIT terus diperkukuhkan lagi dengan penyertaan kumpulan penyelidikan Komputeran Industri yang fokus kepada kepelbagaian teknologi di dalam aplikasi industri dan perkhidmatan. Perkembangan ini sejajar dengan Pelan Hala Tuju ICT Kebangsaan, yang mengiktiraf kecerdasan buatan sebagai salah satu bidang strategik negara, khususnya dalam Sains Data, Komputeran Pengetahuan, Sistem Penglihatan & Realiti Campuran, serta Aplikasi ICT terkini. Kini CAIT diperkuatkan dengan tujuh makmal yang mendokong pelbagai bidang penyelidikan di dalam Kecerdasan Buatan. Makmal tersebut adalah *Asian Language Processing, Data Mining & Optimization, The Applied Ontology Semantic Search Lab, Machine Learning & Vision, Medical Computing, Mixed Reality & Pervasive* dan *Sentiment Analysis*. Sebagai pusat penyelidikan yang sedang berkembang maju, CAIT komited untuk menjalankan program jangka panjang yang komprehensif dan berimpak tinggi. Pada masa yang sama, penyelidik di CAIT turut terlibat dalam projek dalam dan luar negara dengan matlamat meningkatkan lagi keterlibatan CAIT di peringkat antarabangsa sebagai pusat rujukan, dengan matlamat menjana harta intelek serta produk kecerdasan buatan yang bernilai tinggi.

Founded in 2007, CAIT emerged as a beacon of innovation within the FTSM at UKM. Established from the integration of three research groups: Data Mining and Optimization, Pattern Recognition, and Knowledge Technology, CAIT quickly became a leader in artificial intelligence research. By 2011, CAIT expanded its horizons with the addition of the Industrial Computing research group, diving into cutting-edge technologies for industrial and service applications. This move reflected the National ICT Roadmap's vision, spotlighting artificial intelligence as a key area for national advancement. Today, CAIT is a hub of innovation with seven dynamic laboratories: Asian Language Processing, Data Mining & Optimization, Applied Ontology Semantic Search, Machine Learning & Vision, Medical Computing, Mixed Reality & Pervasive Computing, and Sentiment Analysis. As a growing research centre, CAIT is dedicated to impactful, long-term projects and thrives on global collaborations, aiming to create high-value AI products and intellectual property that push the boundaries of technology. At the same time, researchers at CAIT are also involved in both local and international projects with the aim of further enhancing CAIT's international presence as a reference centre, with the goal of generating intellectual property and high-value artificial intelligence products.



The Asian Language Processing (ASLAN)

Ditubuhkan pada Disember 2014, Makmal Pemprosesan Bahasa Asia (ASLAN) berada di barisan hadapan dalam mengubah cara manusia berinteraksi dengan bahasa. Kepakaran ahli makmal ini merangkumi pemprosesan bahasa tabii, analitik teks, pemprosesan pertuturan dan pengekstrakan maklumat, menjadikan ASLAN sebagai salah satu rujukan utama dalam bidang ini. ASLAN bukan sahaja berkembang, tetapi juga semakin maju dengan pasukan penyelidik yang dinamik, komuniti pelajar penyelidikan yang bertenaga, serta portfolio projek termaju yang pelbagai. ASLAN sentiasa berusaha menjangkau batasan teknologi bahasa. Makmal ini sentiasa mengalu-alukan perkembangan terbaru serta penetapan standard baharu dalam pemprosesan bahasa terutamanya bahasa di benua Asia.

Founded in December 2014, the Asian Language Processing Laboratory (ASLAN) is at the forefront of transforming how we interact with languages. Its expertise spans natural language processing, text analytics, speech processing, and information extraction, making it a powerhouse in the field. ASLAN is not just growing; it's thriving. With a dynamic team of teaching and research staff, a vibrant community of research students, and a diverse portfolio of cutting-edge projects, ASLAN is pushing the boundaries of language technology. The laboratory continuously strives for the latest developments and the establishment of new standards in language processing, particularly for the Asian languages.



Data Mining Optimization (DMO)

Makmal Perlombongan Data & Pengoptimuman (DMO) menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk menyelesaikan masalah perniagaan dan saintifik yang kompleks dengan menggunakan algoritma berasaskan AI, pembelajaran mesin, penyelidikan operasi, dan aplikasi kaedah analisis lanjutan untuk meningkatkan pembuatan keputusan. Makmal DMO ditubuhkan pada April 2007, meneroka dan memajukan bidang perlombongan data dan pengoptimuman yang diaplikasikan kepada pelbagai domain seperti perniagaan, penjagaan kesihatan, kewangan, logistik, dan lain-lain. Objektif Makmal DMO adalah untuk membina sistem penyelidikan yang secara menyeluruh dan lancar menghubungkan beberapa jenis analitik, terutamanya analitik ramalan dan preskriptif. Makmal DMO berhasrat untuk menjadi pusat penyelidikan bertaraf dunia untuk aplikasi perlombongan data dan pengoptimuman dengan menerapkan sistem untuk menyelesaikan masalah dunia nyata melalui gabungan teknik pengoptimuman dan pembelajaran mesin yang memenuhi matlamat pembuatan keputusan dan perniagaan.



The Data Mining & Optimization Laboratory (DMO) conducts research and development to solve complex business and scientific problems using AI-based algorithms, machine learning, operational research and the application of advanced analytical methods to improve decision-making. Established in April 2007, DMO explores and advances the field of data mining and optimisation applied to various domains such as business, healthcare, finance, logistics and others. The objective at DMO is to construct a research system that comprehensively and seamlessly links several types of analytics, significantly predictive and prescriptive. The laboratory aims to create a world-class research hub for data mining and optimisation applications to apply the system to solve real-world problems by combining optimisation and machine learning techniques that meet decision-maker and business goals.



Machine Learning and Vision (MLV)

Dalam era di mana teknologi berkembang dengan pesat, aplikasi perisian sedang mengubah industri, daripada perniagaan hingga bidang saintifik, termasuk bidang terkini seperti penglihatan komputer dan sistem pengawasan. Di Makmal MLV, fokus adalah untuk meneroka sempadan yang lebih jauh dengan menyelidik dan membangunkan perisian pintar yang belajar dan menyesuaikan diri bukan melalui pengaturcaraan tradisional, tetapi dengan menganalisis data masa nyata atau data yang dikumpulkan secara autonomi. Pasukan dinamik ini menggabungkan

pakar dalam sains komputer, robotik, statistik, matematik terapan, dan pelbagai teknologi komputeran, termasuk komputeran selari, grid, awan, kuantum, dan numerik. Makmal ini juga terlibat di dalam mendalami ilmu untuk memahami dan mentafsir abstraksi, corak, dan kebarangkalian bersyarat daripada data untuk meningkatkan aplikasi seperti pengecaman dan ramalan. Makmal MLV berada di barisan hadapan dalam membangunkan penyelesaian komputeran maju yang memanfaatkan kuasa pemprosesan besar, teknik dan algoritma numerik serta grafik yang inovatif, dan teknologi komputeran kuantum yang sedang berkembang. Daripada menyelesaikan masalah kompleks dalam pemindahan haba, dinamik cecair, dan kimia hingga merangka penyelesaian IT untuk pengangkutan, Perusahaan Kecil dan Sederhana, dan pembuatan, makmal ini berdedikasi untuk mencipta teknologi berprestasi tinggi yang memberi impak untuk pelbagai cabaran dunia nyata.




In an era where technology is evolving at breakneck speed, software applications are transforming industries, from business to scientific fields, including cutting-edge areas like computer vision and surveillance systems.

At the MLV Laboratory, the focus is on pushing these boundaries further by researching and developing intelligent software that learns and adapts not through traditional programming but by analysing real-time data or data collected autonomously. This dynamic team brings together experts in computer science, robotics, statistics, applied mathematics, and various computing technologies including parallel, grid, cloud, quantum, and numerical computing. The lab excels in teaching computers to understand and interpret abstractions, patterns, and conditional probabilities from data to enhance applications like recognition and prediction. The MLV Laboratory is at the forefront of developing advanced computing solutions that leverage massive processing power, innovative numerical and graphics techniques, and emerging quantum computing technologies. From solving complex problems in heat transfer, fluid dynamics, and chemistry to crafting IT solutions for transportation, Small and Medium Enterprises, and manufacturing, the laboratory is dedicated to creating impactful, high-performance technologies for various real-world challenges.



The Applied Ontology & Semantic Search (ONTOS)

Makmal Ontologi Gunaan dan Carian Semantik (ONTOS) memfokuskan kepada penyelidikan terkini kecerdasan buatan dalam bidang semantik, khususnya di persilangan antara Capaian Maklumat dan Sains Komputer. Ditubuhkan pada Disember 2014, makmal ini memberi tumpuan utama kepada pengecaman maklumat, pengekstrakan maklumat, perwakilan pengetahuan, penaakulan, sistem cadangan, dan teknik carian maklumat yang terkehadapan. Pemahaman yang kukuh dalam pemprosesan bahasa semula tabii (NLP) adalah penting untuk menganalisis, memahami, dan menjana bahasa manusia, yang membolehkan komunikasi manusia-mesin yang lebih berkesan dan cekap. Bidang penyelidikan utama termasuk pengekstrakan entiti, klasifikasi jenis entiti, serta pengenalpastian entiti nama dan hubungan antara entiti untuk mengekstrak data berstruktur daripada teks bahasa tabii. Kajian dalam perwakilan pengetahuan dan penaakulan (KRR) menyediakan asas simbolik bagi NLP dan pengekstrakan maklumat, memudahkan penaakulan automatik dan pengkomputan ke atas pengetahuan tersebut. Selain itu, makmal ini turut terlibat dalam penyelidikan transdisiplinari, yang mengintegrasikan model ontologi dengan kaedah statistik dan pembelajaran mesin untuk memperluas kemampuan dan meningkatkan keupayaan pemprosesan bahasa tabii dan pengekstrakan maklumat disamping memacu inovasi merentas pelbagai bidang.



The ONTOS Laboratory specialises in cutting-edge research at the intersection of semantics, information retrieval, and computer science. Established in December 2014, the laboratory's primary focus includes information recognition, extraction, knowledge representation, reasoning, recommender systems, and advanced information retrieval techniques. A solid understanding of natural language processing (NLP) is critical for analysing, understanding, and generating human language, enabling more effective and efficient human-machine communication. Key research areas include entity recognition, entity type classification, and identifying named entities and relationships to extract structured data from natural language texts. Its work in knowledge representation and reasoning (KRR) provides a symbolic foundation for NLP and information extraction, facilitating automated reasoning and computations over this knowledge. Additionally, ONTOS Laboratory

engages in transdisciplinary research, integrating ontological models with statistical and machine learning methods to enhance natural language processing capabilities and drive innovation across multiple domains.



Sentiment Analysis (SA)

Makmal Analisis Sentimen telah menerokai dunia canggih di mana pemahaman emosi manusia dan dinamik sosial bertemu dengan inovasi. Mengkhusus dalam analisis sentimen dan rangkaian sosial dalam talian, makmal ini menjadi pusat yang mampu mengubah data kompleks menjadi maklumat yang amat bermakna. Di sini, penyelidikan melangkaui perkara asas, menyelami Analitik Data, Analisis Emosi, dan Perlombongan Pendapat untuk mendedahkan lapisan tersembunyi dalam sentimen awam dan interaksi sosial. Makmal ini menyediakan penyelesaian yang tepat untuk cabaran dunia nyata dengan mengintegrasikan teknik terkini, daripada menilai pendapat pengguna hingga mengesan trend sosial. Di Makmal SA, fokus adalah pada kaedah perintis yang menguraikan nuansa emosi manusia dan tingkah laku sosial, mengubah jumlah data yang besar menjadi kecerdasan strategik. Makmal dinamik ini membentuk masa depan analisis sentimen dan pemahaman rangkaian sosial, menawarkan wawasan yang tiada tandingan yang memacu pembuatan keputusan dan inovasi.

Dive into the cutting-edge world of the Sentiment Analysis (SA) Laboratory, where understanding human emotions and social dynamics meets innovation. Specialising in sentiment and online social network analysis, this laboratory is a powerhouse that transforms complex data into actionable insights. Here, research goes beyond the basics, delving into Data Analytics, Emotion Analysis, and Opinion Mining to uncover the hidden layers of public sentiment and social interactions. The laboratory delivers precise, actionable solutions to real-world challenges by integrating these advanced techniques, from gauging consumer opinions to tracking social trends. At the SA Laboratory, the focus is on pioneering methods that decode the nuances of human emotion and social behaviour, turning vast amounts of data into strategic intelligence. This dynamic research hub is shaping the future of sentiment analysis and social network understanding, offering unparalleled insights that drive decision-making and innovation.



CHIPTA 2020 PELAJAR IPT

JUARA

TheFourQuadrant

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

- Muhammad Iqbal Abu Latiffi
- Mariah Abdul Rahman
- Abdullah Muhammad
- Liyana Safra Zaabar

GIGASSIST

Menyediakan platform analitik pekerjaan yang menyatukan maklumat pekerjaan dalam sektor ekonomi Gig untuk pencari kerja, pemain industri dan kerajaan.

Memberi informasi berkaitan pekerjaan popular dan sesuai mengikut situasi semasa kepada pencari kerja serta pempromosi dan mengalakkan ekonomi Gig sebagai norma baharu pekerjaan.

Tahniah!

Mat Datang ke Majlis Pengumuman Pemenang CHIPTA 2020. Ikuti kami di laman Facebook @mampupjpm. Selat



Mixed Reality and Pervasive Computing (MYXLAB)



Makmal Realiti Campuran dan Komputeran Pervasif (MyxLab) menjalankan penyelidikan dan inovasi terhadap dalam bidang realiti campuran dan teknologi pervasif. MyXLab ditubuhkan pada Ogos 2014, bertekad untuk menjadi pusat kecemerlangan utama dalam bidang seperti Realiti Lanjutan, Realiti Maya, Realiti Terimbuh, Realiti Campuran, dan Aplikasi Mudah Alih. Ia menawarkan penyelesaian reliti lanjutan yang terkini merangkumi pelbagai bidang seperti kesihatan, pendidikan, hiburan, dan pembuatan. Dengan visi untuk menerajui penyelidikan dan pembangunan, makmal ini mengumpulkan pelajar dan penyelidik berbakat dalam persekitaran dinamik dan pelbagai disiplin yang mendorong pembelajaran berasaskan projek. Dilengkapi dengan peranti canggih seperti HoloLens 2, Magic Leap 2, dan Quest Pro, MyXLab adalah pusat penyelesaian inovatif dan penemuan yang berperanan mengubah masa depan. MyXLab

memberi tumpuan kepada menukar idea yang berwawasan kepada penyelidikan berkualiti tinggi dan aplikasi praktikal yang memberi manfaat kepada negara serta masyarakat global dan persekitaran.

The Mixed Reality and Pervasive Computing Laboratory (MyXLab) conducts leading research and innovation in the fields of mixed reality and pervasive technology. MyXLab was established in August 2014 and is on a mission to become the premier centre of excellence in fields like Extended Reality, Virtual Reality, Mixed Reality and Mobile Application. It offers cutting-edge extended reality solutions across diverse fields such as healthcare, education, entertainment, and manufacturing. With a vision to lead in research and development, MyXLab brings together talented students and researchers in a dynamic, interdisciplinary environment that fosters project-based learning. MyXLab is equipped with state-of-the-art devices like HoloLens 2, Magic Leap 2 and Quest Pro, making it a powerhouse for pioneering solutions and groundbreaking discoveries. MyXLab focuses on transforming visionary ideas into high-quality research and practical applications that serve the nation, global society and the environment.



Medical Computing (MC)

Makmal Komputeran Perubatan ditubuhkan untuk menggabungkan teknologi termaju ICT dengan inovasi perubatan. Makmal ini berdedikasi untuk membangun algoritma yang inovatif dan meneroka corak tersembunyi dalam pelbagai jenis data perubatan seperti gambar, audio, video, teks, atau angka yang mengubah cara para profesional perubatan mendiagnosis, mendidik, dan berkongsi kepakaran mereka. Daripada meningkatkan keupayaan pembuatan keputusan untuk pengamal hingga mendidik pelatih dan mengkuantifikasi pemerhatian mengenai penyakit dan rawatan, makmal MC berada di barisan hadapan dalam mengintegrasikan teknologi terkini ke dalam penjagaan kesihatan. Berkerjasama rapat dengan pakar perubatan dari Hospital UKM, makmal ini mengalu-alukan kerjasama daripada penyelidik dan institusi lain untuk meneroka batasan komputeran perubatan. Mengkhusus dalam pembelajaran mesin, pemprosesan imej, pengoptimuman, dan analisis imej perubatan, teks, dan data numerik, makmal ini adalah pusat inovasi yang direka untuk memajukan penyelidikan dan amalan perubatan.

The Medical Computing Laboratory was established to combine cutting-edge ICT technology with medical innovation. The laboratory is dedicated to developing groundbreaking algorithms and uncovering hidden patterns in diverse medical data such as images, audio, video, text, or numerical data, transforming how medical professionals diagnose, educate, and share their expertise. From enhancing decision-making for practitioners to educating trainees and quantifying observations on diseases and treatments, this laboratory is at the forefront of integrating advanced technologies into healthcare. Partnering closely with medical experts from UKM Hospital, the laboratory invites collaboration from other researchers and institutions to push the boundaries of medical computing. Specialising in machine learning, image processing, optimisation, and the analysis of medical images, text, and numerical data, the Medical Computing Laboratory is a hub of innovation designed to advance medical research and practice.




Pusat Kajian Teknologi dan Pengurusan Perisian *Center for Software Technology and Management (SOFTAM)*

Ditubuhkan pada 22 Disember 2010, Pusat Kajian Teknologi dan Pengurusan Perisian (SOFTAM) berdiri sebagai mercu tanda kecemerlangan dalam penyelidikan berkaitan dengan teknologi perisian dan pengaturcaraan. Ia bermula dari inisiatif penting pada tahun 1999 yang bertujuan untuk mendapatkan status IRPA RM8 dan MSC, yang meletakkan asas bagi perjalanan transformasi yang akan datang. Melalui perancangan yang teliti dan penambahbaikan strategik, termasuk sumbangan signifikan daripada Bengkel Jabatan Sains Komputer pada tahun 2005 dan Persidangan Kebangsaan Sains Pengaturcaraan pada tahun yang sama, SOFTAM dilancarkan secara rasmi, mewakili visi inovasi dan kecemerlangan penyelidikan. Berada di barisan hadapan teknologi komputeran yang sedang berkembang, SOFTAM komited untuk memajukan seluruh spektrum penyelidikan dalam teknologi perisian. Ini merangkumi semua peringkat daripada eksperimen idea dan pembangunan teknologi hingga kepada penggunaan penyelesaian terkini dan analisis impak di dalam senario dunia nyata. Pendekatan SOFTAM adalah inklusif, mengambil kira keperluan dan pengalaman pelbagai jenis pengguna daripada pakar teknikal dan profesional perniagaan hingga generasi muda, golongan tua, dan individu dengan keperluan khas. Misi pusat ini adalah untuk memacu inovasi perisian dan menjana pengetahuan baharu, secara berterusan menjangkaui sempadan yang terdapat dalam teknologi dan pengurusan perisian. SOFTAM berpegang kepada falsafah UKM, menekankan perundingan dinamik, latihan teknologi yang komprehensif, dan penyelidikan perintis. Melalui usaha ini, SOFTAM tidak hanya memupuk kemajuan berterusan tetapi juga memastikan bahawa inovasinya boleh diakses dan memberi manfaat kepada pelbagai pengguna dan industri. Ini digambarkan dalam misi SOFTAM: “Untuk mencipta inovasi perisian dan menemui pengetahuan baharu serta berada di barisan hadapan dalam bidang teknologi dan pengurusan perisian melalui perundingan, latihan teknologi dan penyelidikan yang diterajui oleh falsafah UKM”.

Established on 22 December 2010, the Center for Software Technology and Management (SOFTAM) stands as a beacon of excellence in programming and technology research. Its origins trace back to a groundbreaking initiative in 1999 aimed at securing IRPA RM8 and MSC status, which laid the foundation for what would become a transformative journey. Through meticulous planning and strategic enhancements, including significant contributions from the Computer Science Department Workshop in 2005 and the National Conference on Programming Sciences later that year, SOFTAM was officially launched, embodying a vision of innovation and research excellence. Positioned at the forefront of emerging computing technologies, SOFTAM is dedicated to advancing the entire spectrum of research in software technology. This includes everything from the initial stages of idea experimentation and technology development to the deployment of cutting-edge solutions and their subsequent impact analysis in real-world scenarios. SOFTAM's approach is inclusive, considering the needs and experiences of a diverse range of users from technical experts and business professionals to younger generations, the elderly, and individuals with special needs. The centre's mission is to drive software innovation and uncover new knowledge, continuously pushing the boundaries of what is possible in software technology and management. SOFTAM adheres to UKM's guiding philosophy, emphasising dynamic consultation, comprehensive technology training, and pioneering research. Through these efforts, SOFTAM not only fosters groundbreaking advancements but also ensures that its innovations are accessible and beneficial to a wide array of users and industries. This is depicted in its mission: “to create software innovation and to discover a new knowledge as well as to be at a frontier of knowledge in the area of software technology and management through consultation, technology training and research steered by UKM philosophy”.



Makmal Penyelidikan eService, mengambil pendekatan antara disiplin untuk mengkaji, menilai dan menginovasi sistem perkhidmatan berdasarkan konsep nilai cipta-sama (value co-creation) dan logik dominan-perkhidmatan (service-dominant logic). Makmal ini telah ditubuhkan pada tahun 2012, yang mana dahulu dikenali sebagai Makmal Penyelidikan Sains E-Dagang dan Perkhidmatan Pengantaraan Agen. Kini makmal e-Servis dalam bentuk semasanya, adalah hasil daripada usaha ahli yang terdiri daripada enam orang penyelidik, menangani isu tentang cara perkhidmatan dilihat dan bagaimana ini mempengaruhi definisi, reka bentuk, penyampaian dan kualiti e-perkhidmatan. E-Servis atau perkhidmatan elektronik ialah perkhidmatan yang mengguna teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Tiga komponen utama e-Servis ialah: pembekal perkhidmatan; penerima perkhidmatan; dan saluran penyampaian perkhidmatan (iaitu, teknologi). Ia juga menangani isu dalam sistem e-dagang seperti e-hailing, e-belanja dan e-bekalan. Makmal ini juga mendalami isu-isu selain e-dagang seperti e-pembelajaran dan e-kerajaan. Justeru kajian yang dijalankan memberi tumpuan kepada evolusi, reka bentuk dan penilaian sistem perkhidmatan inovatif. Penyelidikan yang dijalankan di makmal ini bertujuan untuk membangun rangka kerja, model ekonomi, model perniagaan, meramal kesan masa depan sistem perkhidmatan, dan penilaian dan pengagihan nilai.




The eService Research Laboratory takes an interdisciplinary approach to study, evaluate and innovate service systems based on the concept of value co-creation and service-dominant logic. The laboratory was established in 2012, which was previously known as the E-Commerce Science Research Laboratory and Agent Intermediation Services. Now the e-Service laboratory in its current form, is the result of the efforts of six researchers, addressing the issue of how services are perceived and how this affects the definition, design, delivery and quality of e-services. E-Services or electronic services are services that use information and communication technology (ICT). The three main components of e-Services are: service providers; recipient of services; and service delivery channels (ie, technology). It also addresses issues in e-commerce systems such as e-hailing, e-shopping and e-supply. The laboratory also delves into issues other than e-commerce such as e-learning and e-government. Thus, the research conducted focuses on the evolution, design and evaluation of innovative service systems. The research conducted in this laboratory aims to develop frameworks, economic models, business models, forecasting the future impact of service systems, and valuation and value distribution.



Strategic Information and Software Systems (SISS)

Makmal Sistem Maklumat Strategik dan Perisian (SISS) merupakan tempat di mana penyelidikan terkini bertemu dengan visi strategik. Makmal ini berdedikasi untuk memanfaatkan sistem perisian sebagai alat yang berkuasa untuk mencapai matlamat organisasi. Makmal ini juga menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi yang berlandaskan teori pengurusan strategik. Ia bertujuan menangani cabaran ICT dunia sebenar, menawarkan penyelesaian inovatif dalam perancangan, pembangunan, dan pengurusan sistem perisian berskala besar dari sudut teori dan praktikal. Apa yang membezakan SISS adalah komitmennya yang tidak berbelah bahagi terhadap penyelidikan yang selari dengan kepentingan institusi dan awam. Kepakaran makmal ini meliputi pelbagai bidang seperti Pengurusan Sistem Maklumat (IS), Sistem Maklumat Pengurusan, IS dalam Penjagaan Kesihatan, Proses Perniagaan dan Perkhidmatan, Pengurusan Perisian, Ujian Perisian, Kejuruteraan Keperluan, dan Reka Bentuk Interaksi. Dengan menggabungkan ketelitian akademik dengan pandangan praktikal, SISS membentuk masa depan sistem maklumat dan pembangunan perisian, memacu inovasi yang berimpak besar untuk memenuhi keperluan dunia digital yang sentiasa berubah.

The Strategic Information and Software Systems (SISS) Laboratory is where cutting-edge research meets strategic vision. Dedicated to leveraging software systems as powerful tools for achieving organisational goals, the laboratory produces top-tier research grounded in strategic management theories. Its work addresses real-world ICT challenges, offering innovative planning solutions and developing and managing large-scale software systems from theoretical and practical angles. What sets SISS apart is its unwavering commitment to research that aligns with institutional and public interests. The laboratory expertise spans diverse areas such as IS Management, Management Information Systems, IS in Healthcare, Business Processes and Services, Software Management, Software Testing, Requirements Engineering, and Interaction Design. By blending academic rigour with practical insights, SISS is shaping the future of information systems and software development, driving impactful innovations that cater to the evolving demands of the digital age.



Platform and Emerging Technologies

Makmal Platform dan Teknologi Terkehadapan (PET) memfokuskan pada teknologi baharu dan transformatif. Makmal PET meneroka bidang termaju seperti kecerdasan buatan, blockchain, realiti maya dan terimbuh, 5G, komputeran kuantum, bioteknologi dan tenaga boleh diperbaharui, masing-masing mempunyai potensi untuk membentuk semula industri dan mencipta pasaran baharu. Makmal ini bertujuan untuk mereka bentuk asas aplikasi generasi akan datang yang disesuaikan untuk perniagaan, kerajaan dan komuniti. Melalui penyelidikan perintisnya, makmal ini berusaha untuk memahami dan memanfaatkan impak teknologi disruptif terhadap rangkaian generasi akan datang, sistem mudah alih dan teknologi imersif. Dengan kepakaran merangkumi Teknologi Awan, komputeran Berprestasi Tinggi (HPC), Automasi Pengetahuan dan kerja, IoT, Rangkaian Sensor Tanpa Wayar (WSN), Pemantauan Jauh, dan Rangkaian Komputer, makmal PET sedang membina asas bagi masa depan ICT.

The Platform and Emerging Technologies (PET) Laboratory focuses on groundbreaking and transformative technologies. At the forefront of emerging tech, PET Laboratory explores cutting-edge fields like artificial intelligence, blockchain, virtual and augmented reality, 5G, quantum computing, biotechnology, and renewable energy; each with the potential to reshape industries and create entirely new markets. The laboratory aims to design the foundation for next-generation applications tailored for businesses, governments, and communities. Through its pioneering research, PET Laboratory seeks to understand and harness the impact of disruptive technologies on next-gen networks, mobile systems, and immersive technologies. With expertise spanning Cloud Technology, High-Performance Computing (HPC), Knowledge and work Automation, IoT, Wireless Sensor Networks (WSN), Remote Monitoring, and Computer Networks, PET Laboratory is laying the groundwork for the future of ICT.





Learning Innovation Technology (LIT)

Makmal Teknologi Inovasi Pembelajaran adalah tempat di mana pengetahuan terkini bertemu dengan kreativiti untuk membentuk masa depan pembelajaran. Dengan pendekatan antara disiplin yang menggabungkan teori pembelajaran, reka bentuk participatory, dan interaksi manusia-komputer (HCI), makmal ini mengubah cara teknologi mempertingkatkan pendidikan. Terasnya adalah inovasi berasaskan pengguna, yang membawa model mental pengguna dan tingkah laku ke dalam reka bentuk. Makmal ini membangunkan teknologi pembelajaran yang sangat berkesan dan melibatkan pengguna dengan menggabungkan prinsip reka bentuk pembelajaran, sains kognitif, psikologi pendidikan, dan HCI. Kepakarannya merangkumi pelbagai bidang, termasuk Reka Bentuk Interaksi, Pendidikan Pengaturcaraan, Pembangunan Permainan dan Permainan Serious, Teknologi E-Pembelajaran, UI/UX, Aplikasi Multimedia, Interaksi Multimodal, dan Pemprosesan Ucapan. Alat pembelajaran inovatif yang bukan sahaja berfungsi, tetapi direka untuk memikat, menginspirasi, dan mentakrifkan semula pengalaman pembelajaran dalam era digital.

The Learning Innovation Technology Laboratory is where cutting-edge knowledge meets creativity to shape the future of learning. With an interdisciplinary approach that fuses learning theory, participatory design, and human-computer interaction (HCI), this laboratory transforms how technology enhances education. At its core is user-driven innovation, bringing the user's mental models and behaviour into the heart of design. The laboratory develops highly effective learning technologies that genuinely engage users by blending learning design principles, cognitive science, educational psychology, and HCI. Its expertise covers various areas, including Interaction Design, Programming Education, Game and Serious Game Development, E-Learning Technology, UI/UX, Multimedia Applications, Multimodal Interaction, and Speech Processing. Innovative learning tools that are not just functional but are designed to captivate, inspire, and redefine the learning experience for the digital age.



Pusat Kajian Keselamatan Siber

Center for Cyber Security (CYBER)


UKM telah menjadi perintis dalam penyelidikan keselamatan komputer sejak tahun 2000, dengan kepakaran yang merangkumi Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat serta Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina. Menyedari kepentingan yang semakin meningkat dalam keselamatan siber, universiti ini telah mengambil langkah proaktif, termasuk penubuhan UKMCert di Pusat Teknologi Maklumat. Kerjasama dengan pemain industri utama seperti CyberSecurity Malaysia (CSM) bermula pada tahun 2010, dan pada tahun 2013, satu perjanjian rasmi telah ditandatangani untuk melancarkan program latihan keselamatan siber di UKM. Kerjasama ini membawa kepada pelaksanaan program Sarjana Keselamatan Siber dan Pensijilan Profesional Keselamatan Siber, dengan menawarkan sepuluh kursus khusus setiap tahun dan lebih 70 pelajar mendaftar dalam program sarjana. UKM juga bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan SIRIM Malaysia untuk mempertingkatkan penyelidikan, selaras dengan peranannya sebagai Penjaga Watan. Pada mulanya, latihan keselamatan siber diuruskan oleh Unit Keselamatan Siber di FTSM, manakala penyelidikan dan konsultasi dijalankan melalui Pusat Kajian Teknologi Kecerdasan Buatan (CAIT) dan Pusat Kajian Teknologi Perisian dan Pengurusan (SOFTAM). Untuk memperkukuh impak UKM dalam penyelidikan dan pendidikan keselamatan siber, Pusat Kajian Keselamatan Siber telah ditubuhkan secara rasmi selepas cadangan tersebut dipersetujui sebulat suara dalam mesyuarat Senat pada 25 Januari 2017. Pusat ini menyatukan makmal penyelidikan utama dari CAIT dan SOFTAM, termasuk Makmal Penglihatan Mesin, Makmal Keselamatan Siber dan Pengesahan Perisian, serta Makmal Teknologi Rangkaian. Tambahan pula, dua makmal baharu yang canggih iaitu Makmal Perisikan Siber dan Makmal Forensik Digital ditubuhkan untuk memenuhi keperluan keselamatan negara. Dengan langkah strategik ini, UKM bersedia untuk memperkasa penyelidikan keselamatan siber dan melatih generasi profesional siber yang seterusnya, memastikan keselamatan negara dalam era digital.

UKM has been a pioneer in computer security research since 2000, with expertise spanning the Faculty of Information Science and Technology and the Faculty of Engineering and Built Environment. Recognising the growing importance of cyber security, the university has taken proactive steps, including establishing UKMCert at its Center for Information Technology. Collaboration with key industry players like CyberSecurity Malaysia (CSM) began in 2010, and in 2013, a formal agreement was signed to launch a cyber security training programme at UKM. This partnership led to the Master of Cyber Security and Cyber Security Professional Certification programmes, offering ten specialised courses annually with over 70 students enrolling in the master's programme. UKM also joined forces with the Royal Malaysian Police (PDRM) and SIRIM Malaysia to enhance research, reflecting its role as the Guardian of the Nation. Initially, cyber security training was managed by the Cyber Security Unit at FTSM. At the same time, research and consultancy were conducted through the Center for Artificial Intelligence Technology (CAIT) and the Center for Software Technology and Management (SOFTAM). To elevate UKM's impact in cyber security research and education, the Center for Cyber Security (CYBER) was officially established following a unanimous Senate decision on 25 January 2017. This centre consolidated pivotal research laboratories from CAIT and SOFTAM, including the Machine Vision, Computer Security and Software Verification, and Network Technology laboratories. Additionally, two new cutting-edge laboratories, the Cyber Intelligence and Digital Forensic laboratories, were created to meet national security demands. With this strategic move, UKM is poised to advance cyber security research and train the next generation of cyber professionals, ensuring the nation's security in the digital age.



Cyber Analytics

Makmal Analitik Siber (CA) menerajui bidang keselamatan siber berasaskan data, menggabungkan penyelidikan asas dan gunaan untuk mengubah data digital kepada suatu tindakan yang bijak. Teras kerja makmal CA adalah pengumpulan dan analisis sejumlah data yang besar, membina garis masa terperinci dan mengenal pasti maklumat penting yang membantu merangka strategi proaktif untuk mengesan, menganalisis, dan mengurangkan ancaman siber sebelum ia meningkat. Pendekatan berpandangan jauh ini menjadikan makmal ini sebagai peneraju dalam membina sistem keselamatan siber yang bukan sahaja bertindak balas tetapi juga bersifat ramalan. Selain strategi keselamatan siber, Makmal CA memainkan peranan penting dalam forensik digital. Makmal ini menyokong sistem keadilan jenayah dengan mengumpul, menganalisis, dan melaporkan bukti digital, memastikan jejak digital ditafsirkan dan dibentangkan dengan tepat dalam penyiasatan jenayah. Ianya penting dalam memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap kepakaran penguatkuasaan undang-undang dalam mengendalikan dan menganalisis bukti digital. Penerokaan inovatif makmal ini dalam kecerdasan buatan juga meningkatkan keupayaan keselamatan siber, menjadikan ruang siber lebih selamat dan dipercayai. Makmal CA bukan sahaja melindungi dunia digital hari ini, tetapi juga membentuk masa depan yang lebih selamat dengan penyelidikannya yang inovatif.



The Cyber Analytics (CA) Laboratory stands at the cutting edge of data-driven cyber security, blending fundamental and applied research to transform digital data into actionable intelligence. At the heart of CA's work is collecting and analysing vast amounts of data, building detailed timelines and uncovering key insights that help design proactive strategies to detect, analyse, and mitigate cyber threats before they escalate. This forward-thinking approach positions the lab as a leader in creating cyber security systems that are not just reactive but predictive. Beyond cyber security strategy, the CA Lab is crucial in digital forensics. The laboratory supports the criminal justice system by gathering, analysing, and reporting digital evidence, ensuring that digital footprints are accurately interpreted and presented in criminal investigations. This essential work addresses the growing demand for law enforcement expertise in handling and analysing digital evidence. The laboratory's pioneering exploration of artificial intelligence further enhances its cyber security capabilities, making cyberspace more secure and trusted. With its innovative research, the CA Laboratory is safeguarding today's digital world and shaping a more secure future.



Network and Communication Technologies (NPT)


Makmal Teknologi Rangkaian dan Komunikasi (NCT) berada di barisan hadapan inovasi, menjalankan penyelidikan terkini dalam dunia dinamik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Dengan tumpuan pada Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), makmal ini meneroka kemajuan terkini dalam rangkaian Komputer dan Komunikasi yang mengubah cara interaksi dan perhubungan. NCT menjangkau batasan kemungkinan dengan membangunkan algoritma, kaedah, dan protokol baharu merentasi pelbagai teknologi. Daripada Komunikasi Mudah Alih Selular dan Sistem Satelit hingga Internet Benda (IoT), Internet Benda Perubatan (IoMT), dan Internet Kenderaan (IoV), makmal ini membuka jalan kepada sistem yang lebih inovatif dan saling berhubung. Ia juga meneliti topik canggih seperti Komputeran Grid Pintar, Robotik, Sensor Tertanam, Aplikasi RFID, Rangkaian Berpusatkan Maklumat (ICN), dan Rangkaian Terbentuk Perisian (SDN). Penyelidikan Makmal NCT melangkaui teknologi semata-mata dengan meneroka bidang antara disiplin yang menggabungkan komunikasi, rangkaian, dan sains sosial. Dengan tumpuan pada teknologi Generasi Kelima (5G) dan Data Raya, makmal ini menangani beberapa cabaran terbesar masa kini. Dengan sentiasa memajukan penyelidikan dan menerbitkan hasil yang berkesan, NCT memastikan evolusi penyelesaian yang akan memacu gelombang kemajuan teknologi seterusnya.



IoT with Raspberry Pi



5G and 6G Networks



Fog and Edge Computing



Smart Grid Networks



Quantum Cryptography



Federated Learning

Cyber-security and
Vulnerability AssessmentMachine Learning empowered
cyber-security

Digital Twin


The Network and Communication Technology (NCT) Laboratory is at the forefront of innovation, driving cutting-edge research in the dynamic world of Information and Communication Technologies (ICT). With a focus on the Fourth Industrial Revolution (4IR), the laboratory explores groundbreaking advancements in Computer and Communication networks that reshape how people connect and interact. NCT pushes the boundaries of possibility by working on new algorithms, methods, and protocols across a broad spectrum of technologies. From Mobile Cellular Communications and Satellite Systems to the Internet of Things (IoT), the Internet of Medical Things (IoMT), and the Internet of Vehicles (IoV), the laboratory is paving the way for more innovative, more interconnected systems. It also delves into advanced topics like Smart Grid Computing, Robotics, Embedded Sensors, RFID Applications, Information Centric Networks (ICN), and Software Defined Networks (SDN). The NCT Laboratory's research extends beyond pure technology, exploring interdisciplinary areas that blend communications, networking, and social science. With a keen eye on 5th Generation (5G) technology and Big Data, the laboratory is tackling some of today's biggest challenges. By continually advancing research and publishing impactful findings, NCT ensures the evolution of solutions that will drive the next wave of technological progress.



Cyber Protection and Governance

Makmal Perlindungan dan Tadbir Urus Siber memberi tumpuan kepada teknologi perlindungan, terutamanya kriptografi terapan dan komputeran, serta mekanisme bagaimana sesebuah organisasi yang terlibat beroperasi untuk melindungi organisasi tersebut. Ini termasuk pengurusan keselamatan maklumat yang merangkumi privasi data, pengurusan risiko, pematuhan undang-undang, kesediaan litigasi, dan tadbir urus ICT. Selain itu, makmal ini turut memberi tumpuan kepada pengurusan rekod dan maklumat yang meliputi sistem pengurusan rekod, dokumen, dan kandungan, klasifikasi rekod, program pengurusan rekod, serta tadbir urus maklumat. Bidang penyelidikan yang diterokai termasuk Keselamatan Sistem Komputer, Kaedah Formal, Kejuruteraan Perisian, Komputeran Selari dan Teragih, Teknologi Bahasa Pengaturcaraan, Teknologi Ejen, Pengurusan Keselamatan Maklumat, Pengurusan Rekod, dan Tadbir Urus ICT.

The Cyber Protection and Governance Laboratory focuses on protection technologies, mainly applied cryptography and computation, mechanisms of how an organisation and the humans involved operate to protect the organisation, information security management, including data privacy, risk management, legal compliance, litigation readiness, and ICT governance, and records and information management; including records, document, and content management system, records classification, records management programme and information governance. Research areas involve Computer System Security, Formal Methods, Software Engineering, Parallel and Distributed Computing, Programming Language Technology, Agent Technology, Information Security Management, Records Management, and ICT Governance.





Dekan FTSM

Deans of FTSM



Prof. Emeritus Dr. Abdul Razak Hamdan

1994 – 2000
2007 – 2012

**“Berbuat analitik data berbuat
keputusan,
Semakin digital semakin kental,
Semakin rapi, semakin teliti,
Semakin padu semakin jitu,
Semakin tulus semakin lurus.
Semestinya sederap ilmu mutu
dan budi”**

*“In data’s dance, decisions bloom,
Digital strength, a tapestry on the loom,
Precision grows with every careful thread,
Solidity and accuracy, newly wed,
Sincerity leads to paths most true,
A straight and narrow road in view.
Knowledge, quality, and virtue entwine,
In this new world where data shall shine”*

– Abdul Razak Hamdan

